



26 Mar 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 2 • Printed size: 158.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,426.00

Item ID: MY0035506783

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Kerajaan kaji turunkan tarif elektrik

**Serdang:** Kerajaan menimbangkan untuk menurunkan kadar tarif elektrik di negara ini, susulan penurunan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sentiasa komited untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

"Kerajaan sedang meneliti mengenai perkara itu (cadangan penurunan kadar tarif elektrik). Apa yang penting kita mahu kurangkan beban sara

hidup yang ditanggung rakyat ketika ini.

"Bagaimanapun, kita masih belum memuktamadkan mengejainya dan ia akan diusulkan ke Kabinet," katanya selepas melancarkan Program Mentera Kafulkhan Penjawat Awam dan Kerjasama MyCUEPACSCare dan Pos Malaysia Bhd, di sini, semalam.

**53 peratus sumber elektrik dijana arang batu**  
Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Dr Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Presiden Kong-

res Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Aziz Muda.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya perancangan kerajaan sama ada akan menurunkan kadar tarif elektrik selari dengan kejatuhan harga arang batu dan gas asli di pasaran dunia.

Berdasarkan data terbaru Tenaga Nasional Bhd (TNB), sebanyak 53 peratus daripada sumber elektrik di Malaysia adalah dijana daripada arang batu, 42 peratus daripada gas asli dan selebihnya berasaskan tenaga

hidro dan tenaga boleh diperbaharui (RE).

Menurut laporan Reuters pada 15 Februari lalu, harga gas asli cecair (LNG) Amerika Syarikat (AS) susut lebih 40 peratus sejak Jun tahun lalu kepada AS\$6.50 (RM26.50)/MM-Btu, terendah sejak September 2017.

Manakala harga kargo arang batu bagi eksport dari Terminal Newcastle Australia menurun bagi sukuan sejak pertengahan 2018 kepada bawah AS\$90 (RM366) setiap tan buat pertama kali sejak 2017.



26 Mar 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 2 • Printed size: 158.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,426.00

Item ID: MY0035506783

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Serdang: Kerajaan menimbangkan untuk menurunkan kadar tarif elektrik di negara ini, susulan penurunan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa. Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sentiasa komited untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. "Kerajaan sedang meneliti mengenai perkara itu (cadangan penurunan kadar tarif elektrik). Apa yang penting kita mahu kurangkan beban sara hidup yang ditanggung rakyat ketika ini.